

MUKA 2

Bagi memulih semangat perjuangan parti Tun Mustapha mahu kongsi pimpin USNO

KOTA KINABALU, Jumaat — Usno akan disusun semula di semua peringkat terutama di peringkat ibu pejabat untuk memulihkan semangat perjuangan parti itu yang pernah memerintah Sabah selama 13 tahun.

Presiden Usno, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun membentangkan satu program menyeluruh penyusunan semula parti sambil menegaskan beliau akan memberhentikan pimpinan yang dikuasai oleh seorang tokoh seperti yang diamal oleh parti satu masa dulu.

Tun Datu Haji Mustapha memberitahu demikian dalam ucapan dasarnya yang panjang lebar di Perhimpunan Agung Khas Usno di sini semalam sempena ulangtahun ke-20 penubuhan parti itu.

Tun Datu Haji Mustapha memecahkan sikap mendiamdirinya mengenai keadaan politik di Sabah yang mendesaknya memegang semula teraju Usno setelah sekian lama dalam

“buangan politik”.

Bagaimanapun, beliau mengakui masalah yang dihadapi oleh Usno sekarang sesudah kekalahannya dalam pilihanraya lalu “jauh lebih mencabar” dari masa parti itu ditubuhkan 20 tahun dahulu.

“Untuk menyusun semula Usno sehingga ia boleh memerintah semula, adalah satu tugas berat yang tidak mungkin dapat saya pikul seorang diri. Ia hanya boleh dilaksanakan jika ada perpaduan dan pengorbanan dari seluruh pemimpin dan ahli-ahli Usno sendiri,” tegasnya.

Hamba abdi

Bekas Ketua Menteri Sabah itu menyebut satu gejala di Sabah, iaitu fahaman kebendaan di kalangan sebilangan besar rakyat yang menurutnya adalah satu bahaya kepada Sabah dan Malaysia.

Katanya: “Anasir anti-nasional yang diperalatkan oleh komunis termasuk kuasa-kuasa penjajah yang secara kebetulan memiliki kekayaan mungkin menguasai dan saya khawatir ia akan menguasai politik Sabah dengan tidak disedari.”

Tun Datu Haji Mustapha berkata, menurut kajian yang beliau buat sebelum pilihanraya bulan Mac lalu, sekurang-kurangnya 21 kawasan pilihanraya berada dalam tangan Usno, tetapi jatuh ke tangan lawan disebabkan orang-orang dalam Usno sendiri yang lebih pentingkan kebendaan.

“Ini adalah bukti semangat parti sudah luntur di kalangan Bumiputera yang kita bermati-matian memperjuangkan nasib mereka supaya tidak menjadi hamba abdi dan jadi penumpang di negeri sendiri.”

“Disebabkan keadaan ini, saya hampir hilang keyakinan untuk memimpin semula Usno yang suasananya sudah lain dari zaman Usno dalam kegemilangan dahulu,” tambah beliau.

Katanya kembalinya beliau memimpin Usno ialah untuk menghindarkan parti itu dari mengalami kehancuran kerana Usno sebuah parti politik yang tertua di Sabah yang telah mendapatkan kemerdekaan bagi rakyat dan Negeri Sabah.

Tun Datu Haji Mustapha berkata, rakyat Sabah terutama Bumiputernya, harus berbangga dengan Usno yang sudahpun berkhidmat selama 20 tahun.